



Bersama  
Prof Dr Taufiq  
Yap Yun Hin

Taj Mahal adalah satu monumen yang dibina daripada marmar putih oleh Maharaja Shah Jahan (1614-1666) di tebing Sungai Yamuna berhampiran bandar Agra untuk memperingati isterinya, Mumtaz Mahal yang meninggal dunia selepas melahirkan anak mereka yang ke-14.

Ia mula dibina pada 1632 dan siap pada 1648. Taj Mahal juga menjadi lambang kasih dan cinta seorang suami terhadap isterinya.

Taj Mahal diisyiharkan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada 1983 sebagai permata kesenian

Islam di India dan karya warisan dunia yang dikagumi sejagat.

Ia juga adalah seni bina Mughal terbaik yang menarik lebih tujuh juta pelawat setahun ke sana.

Pertama kali melihat Taj Mahal, kita pasti kagum dengan seni bina yang sangat indah itu.

Shah Jahan adalah Maharaja ke-5 bagi Empayar Mughal.

Dikatakan sebagai zaman emas seni bina Mughal ketika pemerintahannya yang juga turut membina Masjid Moti, Masjid Jama di Delhi dan Kubu Lahore.

Empayar Mughal bermula daripada Maharaja yang pertama iaitu Zahir-ud-din Muhammad Babur atau lebih dikenali sebagai Babur yang memerintah dari 1526 hingga 1530.

Empayar Mughal

mempunyai hubungan darah dengan Genghiz Khan iaitu pengasas kepada Empayar Mongol melalui anak keduanya, Chagatai Khan.

Malah, Mughal dan Mongol dikatakan adalah perkataan yang sama, cuma berbeza dari segi sebutan saja.

Empayar Mughal bermula apabila Babur mengambil alih pemerintahan daripada pemerintah terakhir Kesultanan Delhi iaitu Ibrahim Lodhi.

Ketika pemerintahan Maharaja Akhbar Khan ke-3 dan Maharaja Jahangir yang ke-4, empayar Mughal mengalami pertumbuhan ekonomi amat pesat dan keharmonian beragama.

Maharaja menunjukkan minat yang mendalam mengenai agama tempatan

dan tradisi kebudayaan.

Semua Maharaja Mughal beragama Islam dalam sebuah empayar yang didominasi penganut Hindu.

Pembinaan sistem jalan raya dan penggunaan mata wang yang sama menyatupadukan empayar Mughal.

Maktab dibina di bawah penguasa tempatan untuk golongan belia belajar membaca al-Quran dan mempelajari undang-undang Islam.

Semua pemerintah Mughal dikatakan mengamalkan toleransi beragama. Maharaja Akhbar Khan adalah yang paling tinggi dari segi toleransi beragama.

Inilah satu sebab beliau memansuhkan cukai terhadap penganut Hindu. Beliau juga membenarkan orang

Hindu mengambil bahagian dalam pentadbiran kerajaannya.

Sebagai makhluk sosial, manusia amat memerlukan antara satu sama lain dan lingkungan sekitarnya untuk melestarikan kewujudannya di dunia.

Tidak ada satupun manusia yang mampu bertahan hidup tanpa memperoleh bantuan dari sekeliling mereka.

Dalam konteks ini, manusia harus selalu menjaga hubungan sesama manusia dengan sebaik-baiknya, tidak terkecuali terhadap manusia yang tidak seagama atau yang lazim disebut dengan istilah toleransi beragama.

Toleransi beragama pada awal Empayar Moghul menyebabkan wilayah pemerintahannya

terus berkembang dan diterima baik masyarakat yang berlainan agama.

Toleransi beragama bermakna manusia saling menghormati dan berlapang dada terhadap penganut agama lain, tidak memaksa mereka mengikuti agamanya dan tidak mencampuri urusan agama masing-masing.

Orang Islam dibolehkan untuk bekerjasama dengan penganut agama lain dalam aspek ekonomi, sosial dan urusan keduniaan.

Nabi Muhammad SAW memberi teladan bagaimana hidup bertoleransi bersama penganut agama lain.

**Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di Universiti Putra Malaysia (UPM)**